

**PROGRAM SOFT SKILLS DAN KLINIK SOFT SKILLS:
KONSEP DAN KAEDAH PELAKSANAAN KE ARAH MEMBENTUK
SIKAP GRADUAN BERDAYA SAING**

Haslinda Hashim, Muhammad Nubli Abd Wahab,
Anita Abdul Rani & Aini Ahmad

haslinda@kuktem.edu.my mnubli@kuktem.edu.my
anita@kuktem.edu.my aini@kuktem.edu.my

Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK)
Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM)
Karung Berkunci 12, 25000 Kuantan, Pahang
MALAYSIA
Tel: +6095492466, Faks: +609 549 2477
Laman web: <http://www.kuktem.edu.my/>

ABSTRAK

Kecemerlangan graduan dalam aspek teknikal dan kejuruteraan tidak mencukupi untuk berhadapan dengan kehendak dan cabaran industri. *Soft Skills* adalah keperluan yang dikenalpasti penting kepada graduan. Untuk membangunkan *Soft Skills*, program ini perlu dimasukkan dalam kurikulum pembelajaran di institusi pengajian tinggi secara langsung samada secara implisit dan eksplisit. Konsep pelaksanaan program yang berterusan, menyeluruh, menggunakan semua sumber pembelajaran, tiada tambahan kurikulum, penilaian prestasi dalam dan luar kelas serta hubungan berterusan dari industri, merupakan ciri utama program ini. Pelajar yang tidak berupaya membentuk *Soft Skills* mereka melalui aktiviti primer yang dijalankan dikehendaki mengikuti program khusus Klinik *Soft Skills* yang menggunakan pendekatan modifikasi tingkahlaku. Pelaksanaan program ini selama 2 bulan terhadap 2 kelompok responden mendapati, 70% daripada mereka yang mengikuti klinik ini berupaya mengubah *Soft Skills* kepada yang dikehendaki. 30% daripada mereka perlu mendapatkan bimbingan lanjut untuk membolehkan mereka trampil dalam program *Soft Skills*. Kesimpulannya, program *Soft Skills* dan klinik *Soft Skills* berupaya membina ketrampilan pelajar dan perlu dilaksanakan secara konsisten.

Kata Kunci:

Soft Skills, modifikasi tingkah laku, klinik *Soft Skills*

1. PENDAHULUAN

Soft Skills merupakan satu program yang dilaksanakan secara integrasi bersama subjek-subjek di dalam proses pembelajaran dan pengajaran di Kolej Universiti dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) di Kuantan, Pahang. *Soft Skills* dilihat sebagai satu program *added value* kepada bakal graduan KUKTEM dan penyediaan awal untuk memasuki alam pekerjaan. Program ini sesuai sebagaimana yang disarankan oleh Perdana Menteri dalam Skim Latihan Graduan (SLG) agar graduan menganggur ditingkatkan kemahiran komunikasi dan teknologi maklumat (Abdullah, 2002). Tujuannya bagi membolehkan graduan KUKTEM diambil bekerja bukan sahaja kerana pengetahuan dan kemahiran kejuruteraan, malah kerana kemahiran insaniah atau *Soft Skills* yang telah ditanam di dalam diri mereka. Salah satu rumusan yang dibuat melalui seminar industri dan IPTA ialah, graduan perlu meningkatkan soft skills mereka bagi menyahut cabaran pekerjaan dalam industri (Mahaleel, 2002). Untuk itu, salah satu kemahiran asasi yang ditekankan di kalangan graduan KUKTEM adalah *Soft Skills*. Kurikulum program ini dilaksanakan dalam sistem pengajian di KUKTEM secara bersepadu meliputi aktiviti akademik dan bukan akademik sepanjang tempoh pembelajaran di universiti. Di akhir pelaksanaan kurikulum ini, *Soft Skills* pelajar akan berjaya dibangunkan.

2. KONSEP DAN KAEDAH PELAKSANAAN *SOFT SKILLS* DALAM KELAS

Berdasarkan satu tinjauan yang telah dibuat, 79% daripada 373 pelajar dan 78% daripada 49 orang tenaga pelajar bersetuju bahawa program *Soft Skills* KUKTEM mampu meningkatkan penglibatan pelajar di dalam dewan atau bilik kuliah. Kajian ini juga mendapati bahawa majoriti pelajar (74%) dan kakitangan akademik (77%) berpendapat bahawa program ini berupaya memperbaiki sahsiah pelajarinya.

Soft Skills atau kemahiran insaniah disebut dengan pelbagai istilah iaitu *human skills, non-technical skills, generic skills, essential skills, employability skills* seperti yang disenaraikan oleh Professional Standards Council Australia (2004). Manakala dalam program pengajian BTEC (Business & Technology Education Council) yang dikendalikan oleh Edexcel UK dan Edexcel International, kemahiran semua ini dirujuk sebagai BTEC *Common Skills*.

Sebagaimana visi KUKTEM untuk menjadi '*a world class competency-based technical university*', program *Soft Skills* memberi penumpuan untuk membangunkan sahsiah pelajar meliputi lima kemahiran utama iaitu *Positive Values, Teamworking, Learning Capabilities, Communication Skills* dan *Leadership*. Kemahiran ini akan dibangunkan oleh setiap pensyarah dalam aktiviti pembelajaran di bilik kuliah dan makmal secara berterusan dan bersepadu dalam matapelajaran kejuruteraan yang diajar.

Pembangunan kemahiran *Positive Values* memberikan tumpuan dalam aspek kehadiran ke kelas, ketepatan masa kehadiran, kepatuhan terhadap undang-undang dan peraturan Universiti serta penampilan gaya rupa diri. Kemahiran ini dinilai oleh semua pensyarah dalam setiap kelas setiap sesi pembelajaran dan sekurang-kurangnya 2 kali dalam satu semester iaitu pada minggu ke-7 dan minggu ke-15.

Sementara itu, empat kemahiran berikutnya dibangunkan oleh pensyarah melalui aktiviti pembelajaran dengan pemberian tugas bertulis individu, tugas projek berkumpulan, pembentangan dan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang lain. Pembangunan *Teamworking*, dibuat dalam aspek pemberian tugas secara berkumpulan dan pelajar-pelajar akan diukur dalam aspek penglibatan mereka secara aktif dalam menyiapkan sesuatu projek atau tugas, kerjasama yang diberikan untuk menyiapkan projek atau tugas dalam tempoh yang ditetapkan serta sumbangan yang diberikan dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul. Hasil kerja berkumpulan ini akan diukur oleh pensyarah dan dibuat penilaian diakhir semester pembelajaran.

Dari aspek pembelajaran pula, kemahiran ketiga iaitu *Learning Capabilities* memberi penekanan terhadap keupayaan pelajar mensintesis maklumat daripada pelbagai sumber yang berkaitan dengan topik pembelajaran dan minat yang ditunjukkan oleh mereka untuk terus memperbaiki prestasi serta penglibatan dalam aktiviti-aktiviti dalam dewan kuliah dan makmal. Setiap pensyarah akan memberikan tugas-tugas pembelajaran dan menilai sikap setiap pelajar dalam aktiviti yang diberikan. Sama seperti

kemahiran teamworking, di akhir semester pensyarah akan membuat penilaian pencapaian pelajar dalam sistem yang telah disediakan.

Selanjutnya, kemahiran berkomunikasi diberikan perhatian dalam 2 aspek iaitu kemahiran bertutur dan menulis. Kemahiran bertutur dibangunkan dengan memberikan tugas pembentangan (*pesentation skills*) samada secara individu dan berkumpulan. Pencapaian pelajar dinilai berdasarkan perincian berikut iaitu: (a) kesesuaian bahasa yang digunakan iaitu dari aspek tatabahasa dan sebutan; (b) isi kandungan iaitu ketepatan maklumat, susunannya serta kejelasannya; (c) gaya penyampaian iaitu mempunyai hubungan mata (*eye contact*) dengan pendengar dan suara yang jelas; dan (d) persiapan yang dibuat oleh pelajar sebelum persembahan atau pembentangan (contoh: dengan mengadakan sesi temubual sebelum persembahan dan sebagainya). Dalam kemahiran komunikasi penulisan pula, perincian penilaian adalah sama seperti elemen (a) dan (b) dalam kemahiran pembentangan, walau bagaimanapun keupayaan pelajar menggunakan sumber rujukan secara efektif juga diberi perhatian iaitu merangkumi aspek ketepatan maklumat dan kejelasan penyampaian isi kandungan serta kesesuaian penyusunan artikel dan tugas.

Kemahiran terakhir dalam soft skills iaitu *Leadership* pelajar dibangunkan dengan sifat amanah, kesediaan memikul tanggungjawab dan berkeupayaan menguasai tajuk dan subjek yang diajar. Setiap pensyarah dikehendaki menyediakan tugas pembelajaran yang boleh membangunkan aspek-aspek ini sepanjang semester pembelajaran.

Sepertimana kemahiran sebelumnya, pensyarah akan membuat penilaian terhadap pencapaian pelajar di akhir semester pembelajaran.

Kelima-lima kemahiran ini adalah merupakan kemahiran asas dalam soft skills. Setiap pensyarah perlu membangunkan aktiviti pembelajaran dengan mengambilkira kelima-lima aspek ini beserta perincian yang ditentukan. Keupayaan pensyarah memberikan tugas dalam aspek-aspek ini akan berupaya membangunkan soft skills pelajar secara berterusan dalam setiap semester sepanjang tempoh pembelajaran di universiti. Perlu dijelaskan disini, teori-teori dan proses dalam setiap kemahiran samada *leadership, positive values, teamworking, communication* dan *learning capability* di berikan melalui penawaran mata pelajaran khusus yang diajar di universiti. Walau bagaimanapun, pembangunan kemahiran ini di kalangan pelajar adalah tidak mencukupi jika hanya diajar melalui mata pelajaran soft skills ini secara khusus. Ia perlu dilaksanakan secara konsisten dalam setiap kelas pembelajaran bagi membangunkannya dikalangan pelajar.

3. PEMBANGUNAN SOFT SKILLS LUAR KELAS

Ciri unit pelaksanaan program soft skills meliputi aktiviti luar kelas. Ini kerana penumpuan pembangunan dalam kelas adalah tidak mencukupi. 70% daripada masa pelajar melibatkan aktiviti luar kelas. Untuk itu, peranan pihak-pihak lain di universiti amat penting untuk menjamin kejayaan pembangunan soft skills pelajar. Pihak-pihak lain di universiti yang dilibatkan dalam program ini adalah meliputi:

- Pelaksanaan *Soft Skills* dalam aktiviti-aktiviti di bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP)

- Pelaksanaan *Soft Skills* dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran oleh Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan
- Pelaksanaan *Soft Skills* dalam aktiviti-aktiviti di perpustakaan (*Knowledge Management Center-KMC*)

Penglibatan pelajar dalam aktiviti di HEP meliputi aktiviti sukan dan rekreasi, aktiviti kelab dan persatuan, pidato, penganjuran seminar-seminar dan latihan juga diambilkira sebagai kayu pengukur dalam soft skills. Penglibatan mereka dalam aktiviti ini akan diberikan markah untuk menunjukkan sejauhmana pencapaian yang telah mereka lalui. Dalam aspek penglibatan pelajar dalam salah laku dan pelanggaran disiplin pula, pelajar-pelajar yang melakukan pelanggaran disiplin universiti yang tertentu menunjukkan prestasi mereka yang rendah dalam soft skills. Pelajar yang melakukan pelanggaran disiplin seperti terlibat dalam pergaduhan, membawa barangan lucah ke kampus, melanggar peraturan asrama dan seumpamanya akan menyebabkan mereka tidak terampil dalam soft skills. Pelajar yang melakukan pelanggaran ini tidak hanya akan dikenakan tindakan tata tertib, bahkan mereka akan dibimbing untuk memperbaiki tingkahlaku mereka melalui program bimbingan klinik soft skills yang dilaksanakan.

4. SISTEM PENILAIAN DAN KREDIT *SOFT SKILLS*

Bagi membolehkan *Soft Skills* dimasukkan dalam kurikulum pembelajaran di universiti, penglibatan pelajar dalam aktiviti ini akan diberikan nilai kredit. Pemberian ini


dibuat melalui mata pelajaran *Soft Skills 1* (UHS 1011) dan *Soft Skills 2* (UHS 2011). Melalui kursus ini semua penglibatan pelajar akan diambil kira dalam aktiviti-aktiviti *Soft Skills*.

Penilaian pencapaian pelajar diukur menggunakan konsep *terampil*. Ini bermaksud, pelajar yang telah memenuhi semua aspek penilaian menunjukkan mereka telah *terampil (Trampil-KY)*. Manakala pelajar yang belum memenuhi aspek ketrampilan menunjukkan mereka masih belum *terampil (Tidak Trampil-KT)*. Ketrampilan pelajar akan dinilai berdasarkan nilai mata terkumpul sepanjang tempoh penilaian dan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu:

- a) KY (*Trampil Cemerlang*) bagi pelajar yang melengkapinya semua aktiviti di bawah program *Soft Skills* dan melepasi tahap minimum ketrampilan berdasarkan nilai mata terkumpul.
- b) KY (*Trampil Baik*) bagi pelajar yang melengkapinya semua aktiviti di bawah program *Soft Skills* dan mencapai tahap minimum ketrampilan berdasarkan nilai mata terkumpul, dan
- c) KT (*Tidak Trampil*) bagi pelajar yang tidak memenuhi semua aktiviti di bawah program *Soft Skills* dan gagal mencapai tahap minimum ketrampilan berdasarkan nilai mata terkumpul.

Penilaian dan keputusan akhir *Soft Skills* seseorang pelajar sama ada KY (*Trampil Cemerlang*), KY (*Trampil Baik*) atau KT (*Tidak Trampil*) akan direkodkan secara rasmi


oleh para penilai mengikut kapasiti dan autoriti masing-masing ke dalam satu sistem pengurusan penilaian integrasi berkomputer atau *Integrated Management System (IMS)* seperti ditunjukkan dalam Rajah 3 berikut:



Klik disini, untuk memilih apakah kemahiran yang hendak dinilai.

Rajah 1: Pemilihan elemen *soft skills* yang hendak dinilai oleh pensyarah dalam IMS (Integrated Management Systems)

Setelah penilaian dibuat dan gred diberikan, pelajar boleh menyemak keputusan pencapaian mereka melalui *IMS* ini secara dalam talian (*on-line*). Kedua-dua KY (Trampil Cemerlang) dan KY (Trampil Baik) akan membawa kepada keputusan lulus manakala KT (Tidak Trampil) mengakibatkan keputusan gagal. Pelajar yang berjaya memenuhi syarat-syarat program *Soft Skills* akan dianugerahi *Sijil Soft Skills* sebagai pengiktirafan yang boleh menjadi nilai tambah kepada kualiti graduan yang dikeluarkan oleh universiti.



Rajah 2: Sistem dalam talian yang digunakan oleh pensyarah dan pelajar yang menempatkan memo elektronik dan sistem Integrated Management Systems (IMS) *Soft Skills*


Setiap kali pensyarah membuat penilaian tidak terampil (KT), pelajar akan menerima memo peringatan yang menjelaskan komponen yang tidak trampil dan pensyarah mana yang membuat penialain berkenaan. Pelajar yang mendapat penilaian KT dikehendaki bertemu dengan pensyarah yang membuat penilaian berkenaan dan berbincang kaedah untuk memperbaiki pencapaian dalam *Soft Skills* mereka.

Setiap kali pelajar dinilai KT oleh pensyarah, Penasihat Akademik (PA) kepada pelajar berkenaan akan menerima salinan memo elektronik KT bagi pelajar di bawah seliaannya. Peranan PA adalah menjalankan sesi pertemuan dengan pelajar dan membuat

bimbingan agar prestasi *Soft Skills* pelajar seliaannya mendapat KY. Sesi bimbingan perlu berjalan mengikut jadual dalam semester untuk membantu mengukuhkan perubahan sikap di kalangan pelajar.

5. PELAKSANAAN KLINIK *SOFT SKILLS*

Program klinik *Soft Skills* adalah pendekatan yang digunakan untuk membuat perubahan tingkahlaku pelajar daripada tidak trampil kepada trampil. Melalui sistem ini, pelajar-pelajar yang dikenalpasti tidak trampil akan diberikan bimbingan lanjut oleh pensyarah yang dikenali sebagai cikgu sepanjang satu semester untuk membolehkan mereka mengubah tingkahlaku *soft skills* mereka. Konsep klinik ini adalah "perubahan tingkahlaku" (**Behavior Modification**) di mana di akhir sesi klinik selama satu semester pelajar perlu menunjukkan perubahan tingkahlaku bagi membolehkan mereka trampil dalam program *Soft Skills*.



Rajah 3: Pelaksanaan Klinik *Soft Skills* dalam membina ketrampilan dalam *Soft Skills*

Rajah 3 menunjukkan pelajar yang mendapat keputusan KT dalam *Soft Skills* samada melalui penilaian yang dibuat oleh pensyarah dalam kelas ataupun kerana kes-kes pelanggaran disiplin di bahagian HEP. Pelajar berkenaan dikehendaki mengulang mata pelajaran *Soft Skills*. Semasa tempoh pengulangan, pelajar akan diberikan bimbingan oleh cikgu-cikgu bagi membolehkan mereka trampil dalam *Soft Skills*. Beberapa kriteria khusus klinik ini iaitu:

- Pelajar dikenalpasti tidak trampil melalui keputusan dalam IMS

- Cikgu mengenalpasti punca-punca pelajar berkenaan tidak trampil samada dalam aspek *leadership, positive values, teamworking, communication* dan *learning capability*.
- Cikgu mendapatkan punca sebenar kenapa pelajar berkenaan mendapat keputusan KT
- Cikgu merancang strategi perubahan tingkahlaku pelajar sepanjang semester
- Pelajar membuat perubahan diri berdasarkan kontrak antara beliau dengan cikgu
- Pelajar menjalani latihan perubahan tingkahlaku dengan bimbingan cikgu
- Pensyarah yang mengajar memberikan laporan perubahan tingkahlaku pelajar

Kontrak ini bermaksud perbincangan khusus antara pelajar dan pembimbing. Ciri-ciri khusus ini merupakan perkara utama yang dilaksanakan oleh cikgu dan pelajar dalam klinik *Soft Skills*. Perbezaan utama proses klinik berbanding dengan kaunseling adalah, pelajar dikehendaki membuat perubahan tingkahlaku berdasarkan kepada kontrak mereka dengan cikgu. Kontrak ini dilaksanakan secara sedar (perjumpaan 1 hingga 5) dan pelajar mengetahui, jika mereka tidak membuat perubahan tingkahlaku dalam *Soft Skills* yang ditentukan maka keputusan yang diterima adalah KT dan ini mengakibatkan mereka gagal dalam program *Soft Skills*.


Pemilihan kontrak perubahan tingkahlaku oleh pelajar dilaksanakan oleh mereka bersasarkan kepada keupayaan dan perubahan yang mereka sanggup lakukan bagi memperbaiki keputusan mereka. Peranan cikgu yang utama adalah menyedarkan pelajar

tentang kelemahan yang ada pada mereka dan memberikan *treatment* rawatan tingkahlaku kepada mereka.


Kaedah *treatment* bergantung kepada kes-kes ketidak trampilan. Jika kes-kes melibatkan *positive values*, pelajar selalunya akan diberikan bimbingan secara khusus kaedah untuk mengubah tingkahlaku mereka. Jika kes-kes melibatkan kemahiran komunikasi, latihan dan bimbingan akan diberikan bagi membolehkan mereka membuat pembentangan dengan berkesan. Proses dan kaedah yang diberikan kepada pelajar-pelajar juga berbeza mengikut personaliti pelajar berkenaan menjurus kepada perubahan tingkahlaku.

Berdasarkan kepada rajah 3, pelajar yang gagal soft skills (UHS 1011) perlu mendaftar semula mata pelajaran ini di semester berikutnya. Semasa menjalani program klinik, pelajar juga akan dinilai sejauhmana perubahan sikap yang sepatutnya mereka laksanakan dengan bimbingan khusus cikgu Klinik *Soft Skills*. Jika terdapat perubahan sikap positif di kalangan pelajar dan perubahan ini diakui oleh pembimbing klinik dan juga oleh pensyarah-pensyarah yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam semester berkenaan, maka satu mesyuarat akan dijalankan dan keputusan ini akan mengubah keputusan KT kepada KY. Penilaian perubahan tingkahlaku pelajar tidak dibuat melalui pengakuan pelajar berkenaan. Ini kerana pada awal klinik kontrak perubahan tingkahlaku telah dipersetujui dan akan dilaksanakan. Sebaliknya, perubahan ini dinilai oleh pensyarah yang mengajar pelajar berkenaan. Pelajar yang diberikan klinik akan dilihat oleh pensyarah berkenaan samada mereka telah melakukan perubahan yang

sepatutnya atau sebaliknya. Selain dari itu, cikgu klinik membuat penilaian berdasarkan kepada komitmen pelajar menjalani latihan perubahan tingkahlaku sepertimana yang telah ditentukan. Sepanjang semester klinik *Soft Skills* berjalan, Penasihat Akademik (PA) juga bertindak sebagai pemantau prestasi pencapaian pelajar. PA juga perlu menjalankan pemantauan dengan lebih khusus untuk memastikan perubahan tingkah laku pelajar dan bekerjasama dengan cikgu klinik untuk peningkatan prestasi pelajar.



Rajah 4: Pencapaian Pelajar dalam Klinik *Soft Skills* Semester Pertama Pelaksanaan



Rajah 5: Pencapaian Pelajar dalam Klinik *Soft Skills* Semester Kedua Pelaksanaan

Perlaksanaan klinik tidak semestinya memberikan kesan kepada pelajar dalam satu semester. Rajah 4 dan 5 menunjukkan secara perbandingan pencapaian pelajar dalam klinik *Soft Skills* yang dilaksanakan. Dalam semester pertama program ini dirangka 72% daripada pelajar berupaya membuat perubahan tingkahlaku sepertimana yang ditetapkan. Cikgu-cikgu masih lagi belum berpengalaman dalam pengendalian klinik. Walau bagaimanapun, dalam semester ke dua perlaksanaan klinik, peratus perubahan pelajar meningkat kepada 81%. Sungguhpun begitu, kes-kes perubahan tingkahlaku amat bergantung kepada latarbelakang pelajar berkenaan. Sebahagian pelajar memerlukan masa yang lebih lama untuk mengubah diri mereka sepertimana yang dikehendaki. Terdapat juga kes-kes pelajar-pelajar yang tidak membuat sebarang perubahan walaupun setelah melalui *treatment* Klinik *Soft Skills*. Ini adalah kerana pelajar berkenaan mempunyai masalah peribadi yang sukar untuk di atasi menggunakan prosedur biasa perubahan tingkahlaku.

Pelajar-pelajar yang gagal membuat perubahan tingkahlaku sepertimana yang ditentukan, mereka akan dibawa ke kaunselor untuk bimbingan tingkahlaku secara lebih intensif melalui sesi kaunseling individu yang dilaksanakan oleh kaunselor bertauliah dalam proses ini. Pelajar yang gagal dalam sesi klinik *Soft Skills* akan diberikan keputusan gagal dan perlu mengulang mata pelajaran berkenaan dalam semester berikutnya. Walau bagaimanapun, proses penilaian pencapaian pelajar tetap menggunakan proses yang sama iaitu melalui perakuan yang diberikan oleh pensyarah yang mengajar mata pelajaran berkenaan. Disamping itu, pelajar yang diberikan

bimbingan klinik ini tetap melalui proses penilaian ketrampilan dalam IMS sepertimana sediakala.

KESIMPULAN

Program *Soft Skills* merupakan aktiviti universiti yang perlu dilaksanakan secara konsisten untuk mendapatkan keputusan yang optima. Usaha institusi pengajian tinggi di dalam membentuk pelajar tidak boleh berhenti dalam jangkamasa pengajian di kampus sahaja. Ia perlu sentiasa dibangunkan untuk memastikan matlamat pembinaan graduan dan warganegara yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pembinaan sahsiah perlu diteruskan apabila mahasiswa menamatkan pengajian mereka di kampus. Institusi pekerjaan dan masyarakat memainkan peranan untuk terus membina sahsiah yang cemerlang di kalangan ahli masyarakat. Penampilan sikap yang baik dan konsisten amat penting untuk menjamin sikap baik yang digarap semasa proses pembelajaran di kampus diteruskan di tempat kerja. Mahasiswa perlu mempertahankan sikap positif yang telah dibina agar mereka boleh menjadi agen perubahan masyarakat. Mahasiswa perlu menjadi contoh kepada masyarakat dengan menunjukkan *Soft Skills* yang telah mereka perolehi semasa di universiti. Untuk itu, saranan kerajaan untuk mencapai wawasan 2020 yang memerlukan nilai integriti dan komitmen semua pihak untuk mencapai wawasan negara ini amat penting bagi membolehkan hasrat ini tercapai.

BIBLIOGRAFI

Abdullah, A.B. (2002). *Graduan diminta tingkat kemahiran*. Berita Harian. Dimuat turun dari <http://www.mohr.gov.my/mygoveg/extras/isuyulyaug02.htm>

Haslinda@Robita Hashim, Muhammad Nubli Abdul Wahab dan Zarina Mohd Ali, *Pembangunan Sahsiah Bersepadu, Konsep dan Pelaksanaannya di Kolej Kejuruteraan Universiti*. (Kertas Prosiding dibentangkan di Seminar Kursus Sokongan anjuran KUKUM di Langkawi, Nov 2006)

Mahaleel. T. (2002). Seminar Industri IPTA, *Qualities for Graduate Students Required For Work in The Private Sector*. 6 – 7 Ogos 2002, Kuala Lumpur.

Rebecca, G. (2001) *Hard Training for Soft Skills*, Training. Vol. 38, Issue 6, p56.

Renee, E (1999). *Soft Skills Hard Sell*, Making Education & Career Connections, Vol. 74, Issue 3.